

Philea Resort & SPA Mewah Dan Mendamaikan



Mohd Ali dan Chai Kin Kong meninjau panorama indah sekitar Philea Resort & SPA dari Restoran Cravo-Cravo

Oleh **MISROM MATLEHAM**

AYER KEROH, 2 Jun-Melaka kini memiliki sebuah resort mewah bertaraf enam bintang, Philea Resort & SPA Ayer Keroh iaitu resort pertama di Asia yang dibina menggunakan 'pine log' yang diimport dari Russia.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, resort berharga RM-145 juta itu terletak di lokasi strategik di pintu masuk Plaza Tol Ayer Keroh berhampiran Taman Rama-Rama.

"Resort ini memiliki reka bentuk yang begitu



Mohd Ali berkata sesuatu kepada Chai Kin Kong (dua dari kiri) selepas melawat resort berkenaan, petang semalam

unik menggunakan 'pine log' yang dikelilingi kehijauan alam semula jadi bagi keselesaan pelanggan," ujar Mohd Ali selepas mengadakan lawatan singkat ke resort berkenaan, petang tadi yang diiringi oleh pemiliknya, Tan Sri Chai

Kin Kong.

Mohd Ali memberitahu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka merasmikan Philea Resort & SPA pada 19 Jun ini.

Sementara itu Pengerus Besarannya, Ung Beng Huat berkata, resort berke-



Philea Resort & SPA memiliki reka bentuk unik menggunakan 'pine log'

naan memiliki 201 bilik terdiri dari 180 jenis Pavillion Villa; 19 unit Philea Suit dan tiga unit Royal Villa.

Katanya, selain menggunakan 'pine log', resort berkenaan juga turut menggunakan kayu terpakai yang diimport China

dan pelapis landasan kereta api terpakai.

"Kami cuba menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan sejajar dengan kedudukan Melaka sebagai negeri pelancongan terunggul," ujar beliau.

Tenaga Nasional, Ancezo Powertech

Taja Boling Media Piala Ketua Menteri



Tahir menyerahkan penajaan kepada Mohd Ali

Oleh **MISROM MATLEHAM**

AYER KEROH, 2 Jun-Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Ancezo Powertech Sdn Bhd hari ini menyerahkan tajaan masing-

masing kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam bagi Kejohanan Boling Media Piala Ketua Menteri yang dijangka

berlangsung Julai depan.

Pegawai Perhubungan Awam Pelanggan (CRO) TNB, Tahir Yunus telah menyerahkan tajaan berupa 50



Mohd Ali menerima penajaan yang disampaikan oleh Ramli

helai T-shirt, manakala Pengerah Ancezo Powertech Sdn Bhd, Ramli Bakar menyerahkan sebuah piala.

Majlis ringkas penyerahan penajaan itu berlangsung di Philea Resort & SPA, di sini petang tadi.

Turut hadir pemilik resort berkenaan, Tan Sri Chai Kin Kong serta Pengerus Besarannya, Ung Beng Huat.